

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah polisi Kerajaan membenarkan amalan pemimpin politik khususnya anggota kabinet mengeluarkan surat sokongan kepada mana-mana orang bagi tujuan mendapatkan projek Kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010, Kerajaan telah pun mengeluarkan '**Garis Panduan Tindakan ke atas Sokongan yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau mana-mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan**' yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) bertarikh 8 Mac 2010.
2. Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kepada penjawat awam mengenai langkah-langkah yang harus diambil dalam menangani permohonan sokongan yang diterima daripada pemimpin Kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang mengenai sesuatu urusan Kerajaan. Ini bagi memastikan penjawat awam tidak terkeliru, terpengaruh dan mengekalkan integriti di dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan.
3. Bagi penjawat awam, mereka dihalang menggunakan pengaruh surat sokongan daripada mana-mana Anggota Pentadbiran. Sebagai contoh, permohonan pertukaran tempat kerja pegawai. Sekiranya ia berlaku, penjawat awam tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh Ketua Jabatan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) [P.U.(A) 395/1993].

Sekian, terima kasih.